

Pemimpin semua kaum

UM-16/6/2007

KUALA LUMPUR 15 Jun - Corak pemikiran Perdana Menteri kedua, Tun Abdul Razak Hussein yang sederhana dan bebas etnik berjaya meninggalkan visi, wawasan dan model pembinaan negara yang sehingga kini sukar dicari ganti.

Bekas Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah berkata, 'model' ala-Razak yang digunakan Allahyarham sebagai acuan untuk pembangunan negara dilihat satu cara yang paling berkesan untuk perpaduan pelbagai kaum.

"Kita banyak membetulkan keadaan dan kestabilan negara selepas Peristiwa 13 Mei dengan menggantikannya dengan pembangunan negara berdasarkan perpaduan kebangsaan.

"Jelas, corak kepimpinan yang tidak mementingkan kaum menjadi bukti bahawa tidak ada model yang boleh menandinginya," katanya.

Beliau berkata demikian semasa membentangkan kertas kerja pada sesi khas Seminar Legasi Tun Abdul Razak Kepada Pembangunan Negara bersama bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Musa Hitam.

Sementara itu, Musa berkata, cara Tun Razak yang banyak berbincang menjadi satu faktor kekuatannya dalam kepimpinan sukar disangkal sesiapa.

"Setiap diskusi yang dibuat menjadikannya popular dan terus disanjung kerana caranya menjadikan setiap orang berpuas hati dengan kepimpinannya," jelasnya.